

# Dibangunkan secara berperingkat dengan pelbagai tumbuhan tempatan **Universiti Dalam Taman UMS**

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 1 Jun - Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengorak langkah proaktif dalam merealisasikan konsep Universiti Dalam Taman dengan mewujudkan Taman Botani di universiti itu baru-baru ini.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, taman seluas enam hektar di Puncak UMS itu akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat dengan pelbagai jenis tumbuhan tempatan.

"Menyedari bahawa Taman Botani sangat bermanfaat dan mampu memberikan pelbagai faedah kepada seluruh warga uni-

versiti, pada 7 Januari lalu Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti bersetuju agar Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa dapat membangunkan sebuah Taman Botani di UMS," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akbar selepas melancarkan Taman Botani UMS di Hutan Bukit UMS di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Dekan Sekolah Perhutanan Tropika dan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin.

Menurutnya, Taman Botani akan ditanam dengan pelbagai spesies tumbuhan tempatan termasuk pokok hutan, bunga-bunga dan tumbuhan herba.

"Secara beransur-ansur koleksi spesies tempatan akan diperkaya di kawasan ini

termasuklah pokok-pokok tempatan seperti meranti, belian dan urat serta pokok buahan seperti durian, manggis, rambutan dan sebagainya.

"Kita juga akan menanam pokok-pokok herba dikenali ramai seperti tongkat ali, kacip fatimah, pasak bumi dan pokok putat yang menjadi asas kepada nama Pekan Putatan di sini," katanya.

Tambahnya, selain menjadi pusat himpunan tumbuh-tumbuhan, taman itu juga akan menjadi tempat riadah menarik yang dilengkapi dengan laman tinjau.

Dalam pada itu katanya, melalui Taman Botani itu kawasan hutan dalam UMS akan dapat dimanfaatkan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

"Taman Botani UMS bakal menjadi pusat pembelajaran serta rujukan berkenaan ilmu botani, ekologi, fenologi, etnobotani, biologi fauna dan flora tumbuh-tumbuhan di kepulauan Borneo khususnya," katanya.

Sementara itu, katanya, UMS telah mewujudkan Dasar Lanskap bagi mengelakkan kehijauan kampus sebagai sebahagian daripada usaha membangunkan dunia intelek di negara ini.

"Dahulu kita tidak ada garis panduan yang jelas mengenai landskap dan dengan adanya dasar landskap, kita mahu transformasi UMS sebagai universiti di dalam taman iaitu seolah-olah universiti ini berada dalam hutan yang mempunyai persekitaran yang segar," ujarnya.